

05 FEB 2003

NAM-Iraq

IRAQ BRI AMARAN KPD PERWAKILAN NAM KEMUNGKINAN TEKANAN AMERIKA

Oleh: R.Ravichandran

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Iraq, anggota pengasas Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), telah mengingatkan anggota NAM bahawa Amerika Syarikat mungkin memberi tekanan kepada mereka bagi melindungi kepentingan globalnya.

Duta Besar Iraq ke Malaysia Kais Al-Yacoubi berkata Amerika Syarikat sebagai kuasa besar tunggal, mahu menggunakan tekanan ini ke atas anggota NAM supaya ia dapat menguasai dunia.

Beliau berharap anggota NAM tidak tunduk dengan tekanan itu selari dengan aspirasi mereka untuk hidup secara aman dan bebas dalam membuat keputusan.

"Prinsip mulia NAM sendiri adalah menentang matlamat Amerika Syarikat untuk mendominasi dunia sebagai kuasa besar tunggal."

"Saya menjangkakan pasti ada tekanan yang sangat kuat terhadap sidang kemuncak kali ini dalam usaha menggagalkannya," katanya dalam temubual dengan Bernama.

Menurut beliau Amerika Syarikat berminat melihat NAM dan negara lain berpecah dan tidak bekerja sebagai satu pasukan.

Iraq kini berkonfrantasi dengan Amerika Syarikat yang mendakwa negara itu memiliki senjata yang membawa kepada kemusnahan besar-besaran. Amerika Syarikat berkata negara itu akan menyerang Iraq bagi melucutnya senjata negara itu dengan atau tanpa restu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB).

Negara di seluruh dunia, termasuk kebanyakan anggota NAM, menyuarakan bantahan keras mereka terhadap sebarang tindakan sepihak oleh Amerika Syarikat dengan berkata bahawa isu Iraq perlu diselesaikan secara aman dalam kerangka kerja PBB.

Kais menyuarakan harapan dan keyakinannya bahawa Sidang Kemuncak NAM ke-13 KL di sini dari 20 hingga 25 Feb di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mampu mengatasi tekanan ini serta usaha untuk melemahkan pergerakan itu.

"Saya mempunyai keyakinan penuh terhadap kepimpinan bijak Perdana Menteri Mahathir dan kerajaannya. Mereka akan menjayakan sidang kemuncak ini dengan bekesan. Harapan kami adalah besar supaya sidang kemuncak kali ini boleh mencapai kejayaan selari dengan prinsip mulia pergerakan NAM," katanya.

Kais berkata 114 anggota pergerakan itu tidak menentang mana-mana negara tetapi sentiasa berusaha mewujudkan dunia yang aman dan saling menghormati satu sama lain.

"Pergerakan ini bukan untuk menentang sesiapa dan prinsip dan matlamatnya adalah mulia, tetapi ia menentang kawalan dan dominasi dan ini melibatkan musuh dan bukan kerana NAM melakukan provokasi terhadap negara lain," katanya.

Kais berkata NAM menjadi semakin penting sekarang dan perlu lebih aktif memandangkan "cabaran adalah besar".

Sidang Kemuncak NAM KL akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra. NAM ditubuhkan pada Persidangan Bandung pada 1955 yang menemukan 29 pemimpin Asia dan Afrika. Pergerakan itu mengadakan sidang kemuncak pertamanya di Belgrade, Yugoslavia, pada September 1961.

Kais berkata Iraq akan membangkitkan "isu-isu asas serta semasa" seperti sekatan ekonomi PBB ke atas negaranya, ancaman Amerika Syarikat untuk melancarkan peperangan dan isu Palestin, pada sidang kemuncak di Kuala Lumpur.

"Kami pasti negara lain juga berminat membantu dan menyokong rakyat Iraq dalam menentang sekatan yang tidak adil ini," katanya.

"Percayalah, kebanyakan anggota NAM akan menyertai Iraq dan menyokong usaha untuk mencari jalan penyelesaian secara amam terhadap ancaman ke atas Iraq, dalam kerangka kerja PBB...jauh daripada sebarang tekanan. Provokasi dan ancaman Amerika Syarikat untuk menakluk Iraq wajar dibincangkan dalam pergerakan itu," katanya.

Kais berkata kira-kira 1.5 juta rakyat Iraq mati akibat kesan langsung sekatan ekonomi yang dibuat 13 tahun lepas oleh Majlis Keselamatan PBB.

"Mereka menghalang dan menghentikan semua penghantaran, malah pensil untuk pelajar dengan mendakwa ia boleh digunakan sebagai senjata pemusnah. Mereka juga menghentikan vaksin untuk ternakan dan binatang lain kerana mendakwa vaksin boleh digunakan sebagai senjata biologi. Satu pelan bersepadu bagi menghalang rakyat Iraq daripada hidup seperti rakyat negara lain. Impak sekatan itu semakin buruk setiap hari," katanya.

Kais berkata rakyat Iraq menghargai sokongan Malaysia untuk menarik balik sekatan itu serta kempen mendapatkan sejuta tandatangan oleh Aman Malaysia.

"Menerusi kepimpinan Dr Mahathir yang bijak dan tegas, kami pasti beliau akan memimpin pergerakan ini ke arah mencapai hasil yang lebih baik meskipun menghadapi cabaran besar semasa. Kami akan memberikan sokongan padu bagi menjayakan mesyuarat NAM ini," kata Kais.

Sila layari www.nam2003.com bagi mendapatkan berita lain mengenai NAM.

-- BERNAMA

RV MFJ AAM LAT